



جابتن اكام إسلام ڦيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2(7)

Tarikh: 28 Syaaban 1447
16 Februari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT.
Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan
dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	20 Februari 2026 / 2 Ramadan 1447
Tajuk	Fadilat Solat Sunat Terawih

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat
hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang
mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan
Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri
Perak 2018 serta memperingatkan para khatib bertugas agar tidak menambah
kandungan khutbah selain yang termaktub dalam teks bagi mengelakkan khutbah
disampaikan dalam tempoh waktu yang panjang.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini
amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

“PERAK SEJAHTERA 2030”

KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 20 FEBRUARI 2026

**PERKARA: “PEMAKLUMAN GALAKAN TADABBUR SURAH AL-MULK
MELALUI E-BOOK DARI JABATAN MUFTI NEGERI PERAK”**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman, bersempena menyambut ketibaan bulan Ramadan yang merupakan bulan turunnya al-Quran, Jabatan Mufti Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak memperkenalkan buku digital Tadabbur **“Surah Al-Mulk: Kuasa Dunia Akhirat”** sebagai inisiatif ilmiah bagi menggalakkan seluruh umat Islam mendekati dan menghayati al-Quran sepanjang bulan Ramadan ini.

Pihak Jabatan Mufti Negeri Perak juga mencadangkan agar semua pihak masjid dan surau, orang perseorangan, jabatan kerajaan mahupun di syarikat swasta boleh bersama-sama mentadabbur salah satu surah dalam al-Quran iaitu surah al-Mulk.

E-book surah al-Mulk ini menghimpunkan huraian yang dilengkapi dengan fiqh ayat, pengajaran ayat, dan isu semasa. Turut serta dimuatkan tentang aplikasi kehidupan dan hubungan antara ayat bermula ayat pertama hingga ayat ke-30.

Para Jemaah boleh mendapatkan Buku E-book Tadabbur Surah Al-Mulk: Kuasa Dunia dan Akhirat melalui portal rasmi dan laman rasmi facebook Jabatan Mufti Negeri Perak.

Semoga Ramadan kali ini membawa seribu keberkatan dan rahmat kepada kita semua, Amin.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“FADILAT SOLAT SUNAT TARAWIH”

20 Februari 2026 / 2 Ramadan 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ، هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ، وَجَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرَ الْقُرْآنِ وَتِلَاوَتِهِ وَتَدَبُّرِهِ وَالْإِحْسَانِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Alhamdulillah hari ini merupakan hari kedua kita berpuasa; berbahagialah mereka yang turut melakukan solat sunat tarawih sejak dua malam yang lalu. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“FADILAT SOLAT SUNAT TARAWIH”

Firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَمًا﴾

Bermaksud: “Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang tekun beribadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan bersujud dan berdiri.”

(Surah al-Furqan ayat 64)

Istilah "tarawih" berasal daripada kata *tarwihatun*, bermaksud "rehat". Tarawih merupakan solat malam yang dilakukan khusus dalam bulan Ramadan. Mengapa dinamakan rehat? Kerana para *salafussoleh* dahulu memanjangkan

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

bacaan al-Quran, juga ketika ruku' dan sujud mereka. Setiap kali selesai empat rakaat (dua salam), mereka akan berehat untuk mengumpul tenaga sebelum menyambung rakaat seterusnya. Pelbagai kaedah rehat diamalkan, antaranya membaca al-Quran, berzikir, tawaf di Baitullah; malah ada yang berbaring atau tidur; menunjukkan bahawa tarawih bukan solat yang dilakukan secara terburu-buru, mahu cepat diselesaikan, tetapi tarawih adalah pengabdian diri kepada Illahi, dilakukan dengan penuh ketenangan. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Muzzammil, ayat 6:

﴿إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْأً وَأَقْوَمُ قِيلًا ۖ﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya bangun malam (bersolat dan beribadat) itu lebih kuat (mengisi jiwa) dan (bacaan al-Quran pada waktu itu) lebih berkesan."

Berpandukan catatan sejarah; Rasulullah SAW melakukan solat tarawih secara berjemaah bersama sahabat hanya tiga malam sahaja, pada malam-malam seterusnya, Baginda tidak keluar ke masjid. Apabila ditanya oleh para sahabat, Baginda bersabda: "Aku bimbang solat ini akan difardukan (diwajibkan) ke atas kamu, lalu kamu tidak mampu melaksanakannya".

Pada zaman Khalifah Umar al-Khattab RA, telah hilang keseimbangan salah faham yang menganggap solat tarawih wajib dilakukan. Apabila beliau memerhatikan para sahabat solat bersendirian terpisah-pisah dalam Masjid Nabawi, Saidina Umar RA memerintahkan agar solat tarawih dilakukan secara berjemaah. Ada riwayat menyebut, solat tarawih dilaksanakan 20 rakaat, dilengkapi dengan tiga rakaat witir. Kerana tidak mahu membebankan para sahabat berdiri terlalu lama, diringankan dengan rehat selepas setiap empat rakaat yang kemudiannya dikenali dengan tarawih. Saidina Umar RA berkata "sebaik-baik bidaah adalah ini"; bermaksud pembaharuan yang bertepatan dengan kehendak Allah dan Rasul SAW.

Muslimin yang dirahmati Allah

Solat tarawih bukan sekadar ibadah rohani, tetapi adalah pelengkap jasmani yang sangat baik selepas seharian berpuasa. Antara manfaat solat tarawih baik di dunia mahupun di akhirat adalah;

Pertama: Pergerakan solat yang melibatkan keadaan berdiri tegak, rukuk, duduk dan sujud secara tertib dan berulang, umpama senaman ringan. Kajian juga menunjukkan mereka yang mengamalkan solat yang sempurna mempunyai tahap kesihatan fizikal, emosi dan mental yang lebih baik berbanding mereka yang tidak melakukan solat dengan sempurna. Solat tarawih yang lebih lama dan melibatkan banyak pergerakan, membantu memberi kebaikan yang banyak terutama bagi mereka yang berlebihan makan ketika berbuka.

Kedua: Ganjaran pahala ibadah sepanjang malam: Daripada Abu Zar al-Ghifari RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّهُ مَنْ قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ، كُتِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ

Maksudnya: "Sesiapa yang berdiri (bersolat) bersama imam sehingga imam selesai, dituliskan baginya ganjaran orang yang Qiam semalaman (seumpama bersolat sepanjang malam)". (Hadis riwayat at-Tirmizi)

Ketiga: Penghapusan dosa masa lalu: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: "Sesiapa yang mendirikan solat (malam) di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka diampunkan baginya dosa-dosanya yang terdahulu." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Jemaah Rahimakumullah

Janganlah kita memandang ringan fadilat ibadah bertarawih dan membiarkan Ramadan berlalu tanpa kita berusaha melakukannya. Khatib menyenaraikan lima perkara untuk diberikan perhatian:

Pertama: Tarawih menatijahkan pengampunan; peluang 'pemutihan' dosa yang tidak harus dilepaskan oleh sesiapa yang telah banyak melakukan kesilapan sama ada secara sedar atau tidak sedar.

Kedua: Tarawih menguatkan semangat kesatuan dalam berjemaah; berjemaah dengan imam sehingga selesai juga dijanjikan pahala solat semalaman.

Ketiga: Tarawih meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental. Pergerakan fizikal solat tarawih memberi manfaat kesihatan manakala bacaannya memberi manfaat kepada jiwa.

Keempat: Tarawih menguji keikhlasan dan istiqamah; nilai sebenar tarawih terletak pada kecekalan kita menghadirkan diri ke rumah Allah dari malam pertama sehingga malam terakhir Ramadan.

Kelima: Tarawih adalah latihan persediaan menuju *Lailatulqadar*; agar jiwa kita bersedia dan terjaga untuk memburu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Semoga Allah SWT mengurniakan kita kekuatan fizikal dan kecekalan hati untuk terus menghidupkan malam-malam Ramadan dengan solat tarawih yang berkualiti.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! rezezikkan kami untuk menghidupkan malam-malam Ramadan dengan ibadah terutama solat tarawih berjemaah. Terimalah segala amal ibadah yang kami lakukan dan janganlah Engkau keluarkan kami dari bulan Ramadan melainkan telah diampuni segala dosa kami.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikul Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.